

IMPAK PELAKSANAAN PEMULIHAN EKOPELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DAN HOMESTAY PASCA COVID-19 DI KUNDASANG, SABAH, MALAYSIA

IMPACT OF IMPLEMENTING A COMMUNITY-BASED ECOTOURISM (CBE) AND HOMESTAY POST-COVID 19 RECOVERY IN KUNDASANG, SABAH, MALAYSIA

Dayang Siti Noorafidah Datu Nordin¹
Rosazman Hussin (PhD)^{2*}
Jalilah Md Shah (PhD)³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysian,
(E-mail: dayangsitinoorafidah279@gmail.com)

^{2*} Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

Corresponding author: (Rosazman Hussin. E-mail: azzs@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysian,
(E-mail: jalilah@ums.edu.my)

Article history

Received date : 29-10-2025
Revised date : 30-10-2025
Accepted date : 29-12-2025
Published date : 5-1-2026

To cite this document:

Datu Nordin, D. S. N., Hussin, R., & Md Shah, J. (2025). Impak pelaksanaan pemulihan ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) dan homestay pasca COVID-19 di Kundasang, Sabah, Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 907 – 932.

Abstrak: *Pandemik Covid-19 telah memberi kesan mendalam terhadap sektor pelancongan di Malaysia khususnya destinasi ekopelancongan di Kundasang, Sabah. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan banyak sektor pelancongan terpaksa berhenti beroperasi sementara waktu untuk mengekang penularan virus ini daripada terus merebak dalam kalangan komuniti. Fokus utama kajian ini adalah mengkaji impak pelaksanaan strategi pemulihan ekopelancongan berasaskan komuniti dan homestay pasca Covid-19 di Kundasang, Sabah. Objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti impak pelaksanaan strategi pemulihan berasaskan komuniti dan homestay (CBE) pasca Covid-19 yang cenderung kepada positif dan negatif. Pendekatan utama kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang disokong oleh data kuantitatif. Kaedah kutipan data adalah temubual mendalam kepada sepuluh orang informan yang melibatkan ahli komuniti yang berkepentingan dan survei borang soal selidik ke atas 167 orang responden. Selain itu, pemerhatian di lapangan telah diaplikasikan untuk mendapatkan data yang lebih mendalam dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa impak yang cenderung kepada positif ialah kedatangan pelancong domestik meningkat, pendapatan komuniti atau pengusaha homestay meningkat, ramai ahli komuniti terlibat dalam program homestay, dan ekopelancongan. Manakala impak yang cenderung ke arah negative adalah kemudahan infrastruktur, fasiliti homestay dan lebih ramai pengusaha homestay swasta dibenarkan membina homestay berada pada tahap sederhana pasca Covid-19 di Kundasang, Sabah.*

Kata Kunci: *Impak Pelaksanaan; Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE); Homestay, Pandemik Covid-19*

Abstract: *The Covid-19 pandemic has had a profound impact on the tourism sector in Malaysia, especially ecotourism destinations in Kundasang, Sabah. The implementation of the Movement Control Order (MCO) has caused many tourism sectors to temporarily stop operating to prevent the spread of the virus from spreading further among communities. The main focus of this study is to examine the impact of implementing a post-COVID-19 community-based ecotourism and homestay recovery strategy in Kundasang, Sabah. The main objective of this study is to identify the impact of implementing a post-COVID-19 community-based and homestay recovery (CBE) strategy, which tends to be positive and negative. The main approach of this study is a qualitative approach supported by quantitative data. The data collection method is in-depth interviews with ten informants involving interested community members and a questionnaire survey of 167 respondents. In addition, field observations were applied to obtain more in-depth data in this study. The results of the study found that the impact that tends to be positive is the increase in domestic tourist arrivals, the increase in community or homestay entrepreneur income, many community members in the homestay program, and ecotourism. While the impact that tends to be negative is that infrastructure facilities, homestay facilities, and more private homestay entrepreneurs are allowed to build homestay at a moderate level post-COVID-19 in Kundasang, Sabah.,*

Keywords: *Implementation Impact; Community Based Ecotourism (CBE); Homestay, COVID-19 Pandemic*

Pendahuluan

Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) dan homestay menjadi pelengkap kepada perkembangan sektor pelancongan masa kini terutama di kawasan luar bandar di Malaysia. Namun begitu, penularan wabak pandemik covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia telah memberi impak negatif yang serius kepada sektor pelancongan dan ekopelancongan. Antaranya ialah sekatan pelancong dari luar negara. Bagi membendung daripada penularan wabak covid-19 terus berlaku dalam masyarakat tempatan, kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dengan memberikan sekatan kepada pelancong asing semasa PKP. Dalam pada itu, sekatan yang berlaku telah mengakibatkan majikan-majikan dalam pelbagai sektor ekonomi telah memberhentikan segelintir pekerja mereka kerana tidak mampu untuk membayar gaji pekerja.

Isu utama dalam kajian ini adalah pelaksanaan memulihkan sektor CBE dan homestay pasca Covid-19. Apabila aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh komuniti terhenti disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan PKP secara tidak langsung penglibatan komuniti dalam aktiviti sosio-ekonomi dan budaya seperti CBE dan homestay menjadi terbatas. Pandemik covid-19 dan PKP telah menghalang kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa untuk merasai program homestay dan aktiviti ekopelancongan. Lantaran itu, CBE dan homestay tidak dapat dikekalkan dan bersifat berterusan bagi jangka masa yang panjang (Rosazman & Velan, 2015). Penyertaan komuniti secara berterusan dalam sektor ekopelancongan amat penting. Tanpa penyertaan daripada ahli komuniti, semua strategi pemulihan yang dirancang dan akan dilaksanakan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Kejayaan CBE banyak bergantung kepada tahap keterlibatan komuniti dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian dalam membangunkan

ekopelancongan. Hal ini seiring dengan pandangan Tosun (2000) yang menekankan kejayaan CBE adalah melalui sokongan komuniti setempat.

Dalam konteks kajian ini, Kundasang merupakan salah satu contoh kawasan ekopelancongan di Sabah yang menjadi tarikan pelancong yang terkenal kerana kewujudan gunung Kinabalu. Penglibatan komuniti memainkan peranan penting dalam pembangunan ekopelancongan dengan mewujudkan aktiviti pelancongan yang mesra alam. Ini sekaligus telah memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat disamping melestarikan alam sekitar daripada terancam. Hal ini kerana, kewujudan norma baharu telah memberi impak yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia. Maklumat yang tepat dari hasil kajian ini amat penting bagi pihak pengurusan agar strategi pemulihan pelancongan terus dilakukan dari semasa ke semasa sekaligus dapat menghasilkan keputusan yang optimum.

Sorotan Literatur

Perbincangan soroton literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga sub-tema utama iaitu: definisi konsep utama kajian; perbincangan mengenai perspektif atau kerangka teori yang merangkumi Teori Pembangunan Pelancongan Mampan, Tipologi Penglibatan Komuniti oleh Tosun (2000), Teori Modal Sosial dan Sorotan Kajian Lepas seperti berikut:

Definisi Konsep Utama Kajian

Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE)

Konsep Ekopelancongan Berasaskan Komuniti mengikut WWF (2021) bermaksud membawa dimensi sosial lebih jauh. Ini adalah satu bentuk ekopelancongan di mana komuniti tempatan mempunyai kawalan yang lebih besar ke atas sumber sosio ekonomi dan alam sekitar dan penglibatan ahli komuniti dalam pembangunan, pengurusan, serta sebahagian besar faedah sosio ekonomi dan alam sekitar kekal dalam kawalan komuniti setempat (WWF, 2001). Dalam kajian ini, CBE bermaksud satu bentuk pelancongan yang mengutamakan penglibatan aktif komuniti lokal dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan aktiviti pelancongan di kawasan sesebuah destinasi pelancongan. Fokus utama CBE adalah memaksima faedah yang akan diperolehi oleh komuniti setempat dalam aspek sosioekonomi dan meminimalkan impak negatif dalam aspek budaya dan alam sekitar (Yaman & Mohd, 2004). Matlamat utama CBE adalah adalah memperkasakan komuniti setempat untuk mengawal sumber atau produk ekopelancongan demi memastikan ahli komuniti berkongsi bersama faedah ekopelancongan secara adil dalam aspek ekonomi, sosial dan budaya (Dangi & Jamal, 2016).

Konsep Komuniti Setempat

Perkataan komuniti yang berasal dari bahasa Perancis kuno dipanggil '*communité*' yang mana pada mulanya dari bahasa Latin '*communitas*' yang bermaksud bersama pemberian. Komuniti ini juga merujuk kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam sesuatu kawasan tertentu (Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & et.al, 2017). Dalam pada itu, komuniti dilihat sebagai ahli yang berinteraksi dalam kumpulan yang sama dan membantu antara satu sama lain supaya hubungan yang dibina berkekalan dalam tempoh yang panjang. Oleh itu, maksud konsep komuniti setempat dalam kajian ini merujuk kepada sekumpulan individu yang menetap atau bekerja dalam kawasan geografi yang sama serta berkongsi budaya dan kepentingan tertentu (Aref et. al, 2010). Melalui interkasi sosial dalam komuniti, individu dapat belajar mengenai norma sosial, budaya tempatan serta nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati dan tolong-menolong yang perlu sentiasa diterapkan untuk mengekalkan keharmonian dalam komuniti.

Konsep Homestay

Konsep homestay berbanding inap desa kerana konsep ini telah digunakan oleh kebanyakan ahli komuniti di Sabah dan konsep homestay telah di gunakan secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan, Budaya dan Alam Sekitar, Sabah (KePKAS) sejak tahun 1990an lagi (Hussin, 2006, Kunjuran, et al, 2022). Homestay merupakan satu program yang dijalankan untuk memajukan kawasan luar bandar yang memerlukan penglibatan komuniti untuk menjayakannya. Dalam konteks Malaysia, aktiviti pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting dan pelbagai kaedah pemasaran dan promosi yang dijalankan bagi menggiatkan kedatangan pelancongan ke negara ini. Justeru itu, pengusaha homestay perlu mengambil inisiatif dan peluang dengan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur bagi tujuan keselesaan pelancong (Jabil Mapjabil, et al, 2011). Menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), homestay merupakan satu bentuk pengalaman dimana pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Hussin, 2006).

Pandemik Covid-19

World Health Organisation (WHO) telah menamakan virus baharu yang merebak secara global pada tahun 2020 sebagai *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2* (SARS-CoV-2) yang dikenali sebagai penyakit *Coronavirus disease 2019* atau ringkasnya Covid-19 (WHO, 2020). Pandemik Covid-19 telah mengakibatkan kesan negatif yang teruk ke atas sektor pelancongan di dunia (Islam, Kabir & Hassan, 2022). Awalnya, ianya telah dikesan pada awal tahun 2020 di Wuhan, China dan akhirnya tersebar secara meluas ke seluruh dunia (Yuliana. Y, 2020). Penyebaran penyakit Bahari yang menular secara meluas biasanya melibatkan penyebaran dari manusia ke manusia. Covid-19 adalah penyakit berjangkit disebabkan oleh coronavirus baharu yang merebak melalui pernafasan, sentuhan, serta udara dalam ruang tertutup. Suntikan vaksin covid-19 merupakan satu langkah penting dalam usaha mengawal pandemik covid-19 dengan merangsang sistem imun badan untuk melawan virus SARS-CoV-2 sebelum ia menyebabkan jangkitan yang lebih serius (WHO, 2020). Pemberian vaksin dilakukan secara besar-besaran dilancarkan pada Februari 2021 sebagai strategi Kesihatan awam yang terbukti efektif dalam mencegah penyakit berjangkit. Terdapat tiga jenis vaksin yang diperkenalkan di Malaysia untuk mengekang penularan covid-19 iaitu Pfizer Inc, Sinovac dan AstraZeneca yang dibuat oleh beberapa syarikat pengeluar yang selamat digunakan (Mohd Zamre et.al, 2022).

Teori Pembangunan Pelancongan Mampan

Menurut *World Commission on Environment and Development* (WCED) (1987) yang mendefinisikan pembangunan mampan dan ekopelancongan mampan mempunyai persamaan dalam memenuhi aspek keperluan yang mana melibatkan individu atau pelancong dan sekaligus penggunaan sumber semula jadi yang menjadi daya tarikan pelancong. Pada tahun 2005 dalam Persidangan United Nations telah mempersetujui bahawa terdapat tiga aspek utama dalam pembangunan mampan iaitu kemampanan ekonomi, sosial dan alam sekitar (Shah, et al. 2018). Menurut laporan United Nations aspek utama ini dianggap relevan dalam memenuhi keperluan asas manusia sama ada di peringkat tempatan mahupun global kerana ianya mampu memelihara alam sekitar daripada kemusnahan berterusan. Selain itu, pembangunan mampan ini boleh dilihat sebagai memberi keuntungan terhadap komuniti dari aspek sosial dan ekonomi dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dalam usaha pemuliharaan alam sekitar (Mattarita-Cascanrea, Brennanb & Luloff, 2010). Kewujudan teori pembangunan mampan ini dicadangkan oleh Suruhanjaya Brundtland (Cerin, 2006; Dernbach, 1998; Stoddard, 2011). Umumnya, teori ini digunakan untuk menjadikan pembangunan dalam sesebuah negara itu diperhalusi dari semasa ke semasa menggunakan

sumber-sumber yang ada. Ianya dilihat dalam jangka masa yang panjang untuk meningkatkan kestabilan ekonomi negara. Teori ini juga ditakrifkan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa memusnahkan generasi akan datang (Bruntland Report, 1987). Dalam pada itu, istilah kemampanan digunakan untuk memberi penekanan kepada pengendalian sumber asli dalam pertumbuhan pelancongan.

Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Tosun (2000)

Tosun mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai satu bentuk tindakan sukarela yang akan dilalui oleh individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan (Tosun, 2006:614). Dalam pada itu, Tosun juga menyatakan bahawa penglibatan komuniti memastikan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Tosun, 2000:615). Menurut Tosun, penglibatan masyarakat ini terbahagi kepada tiga tipologi iaitu penglibatan spontan (*spontaneous participation*), penglibatan terdorong (*induced participation*) dan penglibatan terpaksa (*coercive participation*) yang mana penglibatan ini berlaku secara sukarela tanpa didorong oleh pihak luar (Lihat Jadual 1).

Jadual 1: Jenis-Jenis Penglibatan Spontan

<i>Penglibatan</i>	<i>Penerangan</i>
<i>Penglibatan Aktif</i>	Berlakunya sekiranya masyarakat mencapai tujuan yang ditetapkan sendiri dan mendapat keputusan
<i>Penglibatan Langsung</i>	Wujud interaksi secara langsung kepada masyarakat dalam mengambil keputusan dan masyarakat secara langsung dapat menyampaikan aspirasinya
<i>Penglibatan tidak rasmi</i>	Interaksi yang terjadi di luar status rasmi penglibatan antara pemimpin lokal dan pihak pengembangan masyarakat.
<i>Penglibatan asli</i>	Kesedaran masyarakat untuk bertanggungjawab dalam keputusan yang telah diambil. Penglibatan masyarakat yang bukan hanya bertujuan untuk bidang politik malahan untuk perubahan dalam bidang ekonomi.

Sumber: Tosun (2000)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, tipologi penglibatan spontan (*spontaneous participation*) merupakan bentuk penglibatan masyarakat yang paling aktif dan sukarela. Dalam penglibatan ini, masyarakat di suatu kawasan itu secara sendiri melibatkan diri dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dalam pembangunan pelancongan. Penglibatan ini berlaku secara terbuka tanpa paksaan atau tekanan dari pihak luar. Masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pembangunan dan memikul tanggungjawab bersama-sama untuk memastikan kawasan pelancongan yang mereka dirikan setanding dengan kawasan pelancongan yang lain.

Jadual 2: Jenis-Jenis Penglibatan Terdorong

<i>Penglibatan</i>	<i>Penerangan</i>
<i>Penglibatan Pasif</i>	Masyarakat hanya terlibat dalam pelaksanaan dan bukan membuat keputusan
<i>Penglibatan tidak langsung</i>	Masyarakat tidak menyampaikan keputusan secara langsung melainkan melalui perwakilan
<i>Penglibatan rasmi</i>	Peraturan dan batas-batas penglibatan sudah ditetapkan secara rasmi oleh pemerintah
<i>Penglibatan terhad</i>	Masyarakat tidak terlibat dalam membuat keputusan tetapi kebanyakan ahli masyarakat hanya terlibat dalam pelaksanaan keputusan yang telah dibuat.

Sumber; Tosun (2000)

Mengikut Tosun (2000), dalam kategori penglibatan terdorong (*induced participation*) pemerintah memiliki peranan utama dalam memberi galakkan kepada masyarakat dalam mengambil tanggungjawab untuk memimpin, membangunkan kerjasama dan menjadi penyokong masyarakat (Lihat Jadual 2). Penglibatan ini berlaku apabila masyarakat dijemput atau digalakkan oleh pihak berkuasa seperti kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk terlibat dalam proses pembangunan. Keadaan ini wujud dalam bentuk perbincangan, mesyuarat atau mendapat maklum balas dalam sesuatu organisasi yang terlibat. Dalam penglibatan ini, masyarakat hanya terlibat secara separa aktif dan keputusan akhir masih ditentukan oleh pihak luar yang merupakan organisasi dalam pembangunan pelancongan tersebut.

Akhir sekali, penglibatan terpaksa (*coercive participation*) merupakan bentuk penglibatan yang paling ekstrim. Penglibatan ini menunjukkan dimana masyarakat diwajibkan dan dimanipulasi oleh pihak penguasa untuk terlibat dalam pembangunan. Jika dilihat dalam jangka masa pendek kemungkinan masyarakat akan mendapat hasil. Namun begitu dalam jangka masa panjang penglibatan ini akan kehilangan sokongan daripada masyarakat, penglibatan terpaksa ini tidak menghasilkan minat, malah menghilangkan minat masyarakat untuk terlibat dalam pembangunan (Tosun, 2000).

Teori Modal Sosial

Teori modal sosial merujuk kepada ciri-ciri hubungan sosial, norma-norma yang wujud dan kepercayaan yang memudahkan tindakan kolektif dalam sesebuah komuniti atau masyarakat (Putnam et al, 1994). Menurut Bourdieu (1986) dalam buku *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*, modal sosial merujuk kepada jumlah sumber semasa dan potensi yang berkaitan dengan pemilikan jaringan pengekalan hubungan yang saling mengenali dan diiktiraf secara bersama. Dalam pada itu, ia melihat modal sosial ini adalah satu bentuk kuasa yang tidak boleh dipisahkan daripada bentuk modal ekonomi dan budaya. Coleman (1988), teori modal sosial yang diketengahkan adalah berasaskan penemuan empirikal. Dalam karya beliau yang bertajuk “*Social Capital in The Creation of Human Capital*” memberi fokus kepada bagaimana struktur sosial yang memberi manfaat kepada pembangunan komuniti khususnya dalam konteks pendidikan. Ianya menekankan fungsi modal sosial dalam membolehkan individu atau komuniti mencapai matlamat yang tidak dapat dicapai secara individu. Robert Putnam (1993) melalui bukunya “*Making Democracy Work: Civic Traditions in Modern Italy*”

telah mempopularkan modal sosial ini dengan melihat ianya sebagai hubungan mendatar antara individu yang membentuk hubungan sosial berdasarkan norma dan kepercayaan yang menggalakkan kerjasama dan mempertingkatkan produktiviti masyarakat. Putnam mentakrifkan modal sosial sebagai unsur-unsur dalam organisasi sosial seperti hubungan, norma dan kepercayaan yang memudahkan kerjasama demi mencapai manfaat bersama.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang dilakukan oleh Ak. Mohd Rafiq Ak Matusin, Norfatiha Othman, Chamhuri Siwar & Sharina Abdul Halim, (2015) bertajuk, 'Pelancongan Lestari Malaysia Mendepani Bencana Alam: Kes Gempa Bumi Ranau'. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti situasi yang dialami pelancongan Malaysia ekoran daripada berlakunya bencana gempa bumi di Ranau Sabah. Dalam kajian ini memperlihatkan kurangnya integrasi pengurusan bencana alam dalam pelancongan. Isu bencana dalam sektor pelancongan memang ianya tidak asing lagi. Hal ini kerana apabila terdapat bencana alam yang berlaku, ianya sekaligus telah memusnahkan infrastruktur yang dinikmati oleh komuniti dan pelancong. Kesan bencana ini juga terbahagi kepada kesan bencana primer dan sekunder yang mana melibatkan fizikal dan alam semula jadi. Impak yang lebih besar lagi adalah pembangunan alam sekitar, ekonomi dan sosial turut terjejas akibat daripada bencana gempa bumi. Keadaan kekurangan infrastruktur di Malaysia semasa berhadapan dengan bencana secara mengejut dapat dilihat yang mana ianya telah menjejaskan kelestarian pelancongan di kawasan itu. Melalui kajian ini, telah memperlihatkan kesan negatif yang dihadapi ekoran daripada bencana gempa bumi. Infrastruktur yang dibina telah melumpuhkan sektor pelancongan di Ranau khususnya dalam kalangan komuniti. Intinya, integrasi pengurusan bencana yang efektif perlu ditekankan agar pembangunan pelancongan dapat dibaik pulih seperti sedia kala. Oleh sebab itu, pendekatan holistic yang melibatkan semua pihak adalah penting dalam membina pengkalan sektor pelancongan daripada bencana alam.

Kajian tentang 'Penyertaan komuniti dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah' oleh Raihan Anas, Rosazman Hussin dan Teuku Afrizal pada tahun 2018 menumpukan perhatian kepada peranan aktif ahli komuniti dalam memulihkan sektor pelancongan di Kampung Mesilou, Kundasang. Gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015 bukan sahaja merosakkan infrastruktur fizikal tetapi juga menjejaskan aktiviti ekopelancongan yang menjadi sumber utama pendapatan bagi penduduk setempat. Kajian ini memberi penekanan kepada pendekatan dari bawah ke atas (bottom-up approach) dalam merancang strategi pemulihan yang mampan melalui penglibatan komuniti secara langsung. Dapatan kajian ini adalah tahap kesedaran komuniti yang tinggi terhadap pemulihan pelancongan agar sumber ekonomi mereka dapat dinikmati seperti sedia kala dan inisiatif pemulihan dengan memperkenalkan produk ekopelancongan baharu sekaligus memperkukuhkan kerjasama melalui persatuan komuniti. seperti Persatuan Atamis Homestay, Biro Pelancongan Kampung Mesilou dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung Mesilou.

Seterusnya, kajian yang dilakukan Ahmad Sukry Musa & Siti Masayu Rosliah binti Abdul Rashid dalam 'Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Ekonomi Pekebun Mikro Harumanis di Paya Kelubi, Perlis' pada tahun 2021 yang mana sektor pertanian telah terkesan terutamanya dalam aspek penghantaran dan pemasaran kepada pelanggan semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti kesan pandemic covid-19 dan mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil oleh pekebun mikro dalam menghadapi isu pandemik ini. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif yang mana instrument kajian menggunakan borang soal selidik secara terus atas talian melalui *Google Forms* kepada responden dan kaedah kualitatif juga digunakan melalui temubual bersemuka. Hasil kajian

mendapati 95.9 peratus iaitu 118 responden mengakui bahawa pendapatan mereka terjejas ekoran pandemik covid-19 yang berlaku. Ini sekaligus telah menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian kerana lambakan buah manga Harumanis yang tidak dapat dipasarkan seperti biasa. Untuk menangani masalah ini daripada berterusan, pekebun-pekebun mikro ini mengambil langkah proaktif dengan menggunakan platform medium jualan atas talian semasa PKP. Antara kaedah aplikasi yang pekebun-pekebun mikro gunakan adalah Facebook, Whatsapp Group, Telegram, Shopee dan Lazada. Selain itu, kaedah jualan secara langsung masih menjadi pilihan dengan jualan dari ladang, jualan langsung di gerai dan pasar tani dan jualan langsung dari kediaman. Ini menunjukkan pekebun-pekebun mikro Harumanis juga terkesan dengan penularan wabak covid-19.

Kajian yang dilakukan oleh Wasiul Karim, Ahasanul Haque, Ohurul Anis dan Muhammad Arije Ulfy (2020) yang bertajuk '*The Movement Control Order (MCO) For Covid-19 Crisis and Its Impact on Tourism and Hospitality Sector in Malaysia*' yang membincangkan impak yang diterima pada masa hadapan yang dialami oleh industri pelancongan dan hospitaliti akibat daripada pandemik covid-19. Perubahan drastik yang berlaku dalam sektor pelancongan dan hospitality selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi tindak balas negatif terhadap industri. Data sekunder diambil untuk digunakan sebagai asas data kajian dengan meninjau pelbagai laporan industri, artikel akademik dan data daripada agensi kerajaan untuk menyokong dapatan mereka. Dapatan kajian mendapati kejatuhan drastik pelancong yang masuk ke Malaysia akibat daripada penutupan sempadan di seluruh negeri dalam Malaysia. Seterusnya, penutupan sementara industri hotel tempatan dengan terpaksa memberhentikan pekerja, cuti tanpa gaji atau memotong gaji pekerja. Dalam pada itu, sektor lain juga turut terjejas akibat daripada ketiadaan pelancong seperti pengangkutan, makanan serta kebudayaan dan seni tempatan. Kehilangan pendapatan dalam sektor utama ini telah membawa kesan kepada ekonomi yang lebih luas kepada komuniti tempatan dan negeri.

Selain itu, kajian bertajuk, '*The Impact of Covid-19 on Tourism Industry in Malaysia*' oleh Foo et al., (2020) yang membincangkan impak akibat pandemik covid-19 ke atas industri pelancongan dan mengenal pasti pakej rangsangan yang ditawarkan oleh kerajaan Malaysia bagi memastikan kelestarian industri pelancongan di negara ini. Industri pelancongan merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang menjana pendapatan cukup besar melalui pelancongan domestik dan antarabangsa. Sektor pelancongan juga memberi pekerjaan kepada rakyat untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Impak kepada industri pelancongan, impak kepada industri penerbangan, dan impak kepada Perusahaan perhotelan merupakan tiga aspek dalam dapatan kajian. Kemerostan kedatangan pelancong antarabangsa khususnya negara China dan Singapura yang merupakan pasaran pelancong utama bagi Malaysia menunjukkan penurunan yang sangat ketara. Peningkatan kes covid-19 di kedua-dua negara telah menjadikan penutupan sempadan antarabangsa. Ini sekaligus menyebabkan semua penerbangan telah dibatalkan dengan serta merta. Impak daripada kejadian ini menyebabkan penurunan secara drastik kedatangan pelancong ke Malaysia. Syarikat penerbangan yang terkemuka di Malaysia seperti AirAsia, Malaysia Airlines dan Malindo Air telah menguatkuasakan pemotongan gaji terhadap pekerja bergantung dengan julat gaji serta jawatan pekerja. Pemotongan ini bermula daripada 10% hingga 100% dan cuti tanpa gaji. Penutupan sementara atau kekal dalam perusahaan perhotelan juga telah berlaku akibat daripada kekurangan pelanggan dan tekanan kewangan yang dihadapi. Kerugian yang dialami oleh perusahaan perhotelan adalah berjumlah RM 68,190,364 dalam tempoh 11 Januari hingga 16 Mac 2020. Kesan daripada pengurangan hasil pelancongan ini

memberi impak negatif kepada ekonomi negara secara keseluruhannya terutamanya dari segi pertukaran mata wang asing dalam negara.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Bartosz Korinth dan Ruwan Ranasinghe (2020) yang bertajuk '*Covid-19 Pandemic's Impact on Tourism in Poland in March 2020*'. Hasil kajian ini membincangkan kesan awal pandemic covid-19 terhadap sektor pelancongan di Poland pada bulan Mac 2020. Semua negara di seluruh dunia mengalami impak negatif akibat daripada pandemic covid-19 dan Poland juga tidak terkecuali menerima impak yang sama dan menunjukkan penurunan kadar pelancongan pada bulan Mac 2020. Ini secara langsung menunjukkan pandemic ini menjadi cabaran besar di peringkat global yang menuntut pendekatan baru untuk operasi global, perniagaan dan meneruskan norma-norma baharu dalam kehidupan. Dapatan kajian menunjukkan industri penerbangan mengalami penurunan antara 80% hingga 90% di lapangan terbang Poland. Ianya disebabkan oleh operasi penerbangan yang ditutup serta merta akibat daripada penularan virus ini. Ini memberi ancaman kepada rakyat kerana covid-19 ini mudah merebak dengan cepat. Lapangan terbang dan pesawat hanya beroperasi untuk pengangkutan barang seperti pengangkutan pelitup muka dan produk Kesihatan yang lain. Selain itu, industri perhotelan di Poland juga mengalami penurunan sekitar 40% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan penurunan ini mencerminkan kesan langsung daripada sekatan perjalanan dan penutupan sempadan yang dilaksanakan untuk membendung penyebaran virus ini dalam kalangan rakyat.

Jurang kajian lepas berbanding dengan kajian ini menunjukkan bahawa kajian lepas hanya tertumpu kepada ahli komuniti setempat. Sedangkan strategi pemulihan sektor pelancongan dan ekopelancongan perlu dilihat secara menyeluruh tentang bagaimana pengusaha homestay dan aktiviti ekopelancongan menangani bencana covid 19 tanpa menghentikan operasi aktiviti pelancongan mereka dalam tempoh pemulihan pasca covid-19. Jurang kajian inilah yang menarik minat pengkaji untuk mendalami proses bagaimana pelaksanaan strategi pemulihan memberi impak kepada aktiviti ekopelancongan dan homestay pasca Covid-19 di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah.

Lokasi Kajian

Di negeri Sabah, wilayah Kundasang mempunyai beberapa ciri istimewa dari segi skala geografi yang besar (Ramzah Dambul, 2010). Manakala, Kampung Mesilou merupakan destinasi yang paling popular kerana terletak di kawasan kaki Gunung Kinabalu. Puncak tertinggi julat ini adalah 4,095 meter dengan ketinggian 13,435 kaki dari paras laut yang merupakan kawasan paling menonjol di Sabah (Laman Web Kerajaan Negeri Sabah). Oleh sebab itu, kawasan Kundasang dikenali sebagai '*The highest and coolest village in Malaysia*'. Selain itu, kawasan Kundasang yang terletak di lereng bukit telah menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pengeluar sayur-sayuran tanah tinggi di negara ini (Fujimoto & Miyaura, 2002). Majoriti penduduk di kawasan ini terdiri daripada suku kaum Dusun yang beragama islam. Kundasang merupakan destinasi pelancongan yang harmoni untuk pencinta alam semula jadi dan pengembara hutan yang ingin menerokai sumber yang menakjubkan dengan flora dan fauna.



Peta 1: Peta Sabah / Daerah Ranau

Sumber: Sabah Tourism Board (2010)

Lokasi kajian ini adalah di Kampung Mesilou, Kundasang Sabah yang terletak di daerah Ranau. Daerah Ranau terletak di bahagian tengah negeri Sabah (Ramzah & Buang, 2008) yang mana daerah tersebut pernah mengalami gegaran gempa bumi yang paling kuat dan menerima impak yang besar daripada gegaran tersebut. Walaubagaimanapun, kawasan Kundasang sehingga kini masih menjadi tumpuan pelancong sama ada pelancong tempatan mahupun luar negara kerana keindahan sumber alam semula jadi dan Kundasang merupakan salah satu mukim yang terdapat di daerah Ranau. Ianya terletak di pinggir Gunung Kinabalu yang dijadikan sebagai lokasi kajian. Pekan kecil Kundasang yang dikenali sebagai “Pekan Sayur” sepanjang 15 kilometer daripada kawasan Ranau. Di negeri Sabah, wilayah Kundasang mempunyai beberapa ciri istimewa dari segi skala geografi yang besar (Ramzah Dambul, 2010).

Metodologi Kajian dan Kaedah Kutipan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif yang merupakan suatu proses mendapatkan maklumat melalui temubual dan pemerhatian untuk lebih memahami kajian ini melalui kaedah pengumpulan data yang sesuai digunakan bagi suatu permasalahan sosial (Cresswell, 1994). Azman (2016) menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif dapat memperolehi data atau maklumat secara langsung walaupun isu yang dikaji sangat sensitif dan tidak semua pihak mampu menghuraikannya dengan baik. Menurut Creswell & Poth (2018), penyelidikan kualitatif dijalankan kerana wujud masalah atau isu sosial yang kompleks yang perlu diterokai. Walau bagaimanapun, penyelidik menggunakan kaedah kutipan data kuantitatif (survei dengan menggunakan borang soals elidik) dalam kajian ini sebagai data sokongan kepada data kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan adalah untuk menjelaskan pola tingkah laku dan memahami persekitaran manusia itu sendiri (Hermawan, 2019). Krejcie & Morgan (1970) menyatakan bahawa pendekatan kuantitatif ini dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik melibatkan bilangan responden yang banyak dengan sekurang-kurangnya

melebihi 40 sampel dalam mengukur pembolehubah sesuatu penyelidikan. Perbincangan seterusnya adalah berkaitan tentang kaedah kutipan data bagi kajian ini.

Temu Bual Mendalam

Temu bual mendalam adalah berdasarkan soalan panduan temubual bersifat luas, terbuka, tidak berstruktur dan tidak semestinya bersifat tetap (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Seterusnya, melalui kaedah ini penyelidik ingin mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang atau informan (Patton, 1991). Temu bual merupakan teknik pengumpulan data yang melibatkan interaksi secara bersemuka antara penyelidik dengan informan. Ianya bertujuan untuk mengetahui kehidupan, pengalaman atau situasi fenomena sosial yang dikaji. Selain itu, individu atau informan dapat menyampaikan maklumat-maklumat penting yang ingin dikongsi bersama semasa sesi temu bual dijalankan tersebut (Shuib, 2019). Melalui kaedah kutipan data ini, pengkaji telah menemubual seramai 10 orang ahli komuniti yang melibatkan diri dalam aktiviti homestay dan ekopelancongan. Senarai informan adalah seperti Jadual 3 di bawah berikut:

Jadual 3: Senarai Informan Utama

<i>Informan</i>	<i>Strategi Temu Bual</i>	<i>Bilangan</i>
● <i>Ketua Kampung</i> ● <i>Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)</i> ● <i>Setiausaha MEVOC</i> ● <i>Pengurus Maragang Hill</i> ● <i>Guide Maragang Hill</i> ● <i>Pengerusi MEVOC</i> ● <i>Pengerusi Atamis Homestay</i> ● <i>Pengusaha Homestay</i>	● Temu janji dibuat ● Temu bual mendalam melalui panduan soalan temu bual ● Rakam perbualan. ● Catatan	1 1 1 1 1 1 1 3
<i>Jumlah Informan</i>		10

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, 2023

Etika Penyelidikan

Etika penyelidikan adalah perkara yang paling utama yang perlu dititikberatkan bagi memastikan kajian ini tidak menjejaskan mana-mana pihak atau *bias* serta dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Neuman (2014) menyatakan bahawa penyelidik yang melanggar etika penyelidikan akan merosakkan reputasi penyelidikan sosial. Oleh sebab itu, pentingnya pematuhan etika semasa menjalankan penyelidikan agar reputasi penyelidikan sosial terus terjaga. Oleh sebab itu, dalam kajian ini informan tidak bersetuju untuk diletakkan nama sebenar mereka dalam laporan kajian ini. Justeru, pengkaji menggantikan nama sebenar mereka kepada Informan 1, Informan 2 dan seterusnya.

Pemerhatian

Menurut Kidder (1981), pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila ia digunakan untuk mencapai tujuan kajian, dirancang dengan rapi, direkod secara sistematik dan diperiksa dan dikawal kesahihan dan kebolehpercayaan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik turun ke kawasan kajian untuk melihat sendiri impak pelaksanaan strategi pemulihan ekopelancongan berasaskan komuniti dan homestay pasca Covid-19 di Kampung Mesilou, Kundasang yang dilakukan oleh pihak berkuasa, pengusaha homestay, pengusaha ekopelancongan atau komuniti setempat. Menurut Merriam (1998), pemerhatian juga dapat merekodkan kelakuan masyarakat sekeliling dengan penyelidik semasa penyelidikan dijalankan dan mendapat data yang tidak dapat diberitahu oleh

responden semasa temu bual dijalankan. Pemerhatian ini juga dijalankan pada awal penyelidikan sebelum menemu bual informan untuk mengenal dengan lebih dekat ahli komuniti dan lokasi kajian di kawasan kajian. Melalui pemerhatian, penyelidik merakam, mengambil gambar menggunakan kamera dan mencatat aktiviti di lapangan dengan menggunakan buku nota.

Survei Menggunakan Borang Soal Selidik (Data Sokongan)

Borang soal selidik merupakan satu alat penyelidikan yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Terdapat dua jenis soal selidik yang boleh digunakan iaitu butiran soalan tertutup dan butiran soalan terbuka (Abdullah et al, 2020). Umumnya, borang soal selidik ini lebih cenderung kepada pendekatan kuantitatif. Akan tetapi, penyelidik menggunakan data daripada borang soal selidik untuk menyokong data kualitatif. Ianya merupakan instrumen penting dalam mengumpul data (Roopa & Rani, 2012). Satu set soalan dirangka oleh penyelidik dalam bentuk skala likert dan dijawab tanpa paksaan daripada mana-mana responden untuk dijadikan sebagai data penting. Dalam kajian ini, responden yang terlibat untuk menjawab borang soal selidik ini adalah seramai 167 orang. Dengan merujuk hasil penulisan kajian-kajian lepas, soalan diolah oleh penyelidik mengikut kesesuaian. Maka dengan itu terhasilah pembentukan item-item baharu dalam borang soal selidik (Mohamad & Lim, 2021). Borang soal selidik ini disediakan dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan responden memahami dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan teliti kepada mereka.

Sumber Data Sekunder

Sumber data sekunder adalah bahan rujukan bacaan yang diperolehi daripada bahan-bahan yang telah diterbitkan atau tersedia secara umum seperti buku, jurnal, laporan dan artikel. Ianya digunakan untuk menyokong atau memperkukuh dapatan kajian. Sumber ini juga dapat memberi gambaran awal terhadap isu yang dikaji. Menurut Creswell (2014), sumber sekunder memainkan peranan penting dalam membina kerangka teori, latar belakang kajian dan justifikasi kajian. Kaedah yang menjimatkan kos dan masa adalah kajian perpustakaan. Penyelidik hanya perlu mengakses maklumat yang diperlukan melalui media massa. Buku dan jurnal ilmiah digunakan oleh penyelidik untuk memperolehi data sekunder dalam sektor pelancongan. Dalam pada itu, laporan rasmi kerajaan digunakan oleh penyelidik. Sebagai contoh, Prestasi Pendapatan dan Kedatangan Pelancong Program Pengalaman Homestay Malaysia Sehingga 31 Ogos 2020 yang diperolehi daripada sumber Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Menurut Lay dan Khoo (2016), data sekunder merangkumi segala bentuk maklumat yang dikumpul untuk data sokongan kepada data primer kajian semasa.

Kaedah Analisis Data Kualitatif

Data yang diperolehi daripada kajian adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual mendalam dan sumber data sekunder. Model Data Analisis Creswell (2014) menjadi rujukan penyelidik untuk membuat analisis data kualitatif dengan mudah. Terdapat empat tahap yang digunakan oleh penyelidik dalam memproses data kualitatif. Langkah pertama adalah menyusun data mentah yang diperolehi daripada sumber pemerhatian, temu bual mendalam, nota lapangan dan data sekunder yang dijadikan sebagai rujukan. Seterusnya, penyelidik membuat transkrip daripada data temu bual tadi untuk membantu dalam mengenalpasti idea awal. Pembahagian tema dan sub-tema merupakan tahap yang ketiga dimana proses '*coding*' membolehkan data yang kompleks dipecahkan kepada sub-tema yang lebih mudah dianalisis. Penyelidik menggunakan tahap ini secara manual. Pada tahap yang terakhir, penyelidik menafsir data

dengan mendalam dan deskriptif. Ianya dipersembahkan dan disokong oleh petikan data asli daripada informan di lapangan.

Kaedah Analisis Data Kuantitatif (Data Sokongan)

Borang soal selidik yang telah dikumpulkan oleh penyelidik telah dimasukkan dalam Program SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Ianya dianalisis menggunakan SPSS Version 29.0 Data dari Program SPSS telah dianalisis dalam bentuk deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min dalam jadual. Namun begitu, data pemberat bagi kajian ini adalah data kualitatif melalui temubual mendalam dan pemerhatian. Manakala, data kuantitatif hanya dijadikan sebagai data sokongan bagi kajian ini (Creswell 2014).

Impak Pelaksanaan Pemulihan Ke Atas Pengusaha CBE dan Homestay Pasca Covid 19 di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa impak pelaksanaan strategi pemulihan CBE dan homestay pasca covid 19 yang cenderung ke arah positif. Namun, pada masa yang sama, terdapat juga impak pelaksanaan pemulihan CBE dan homestay yang cenderung ke arah negatif di Kampung Mesilou, Kundasang.

Impak Pelaksanaan Strategi Pemulihan CBE dan Homestay Cenderung Ke Arah Positif

i. Kedatangan Pelancong Domestik Meningkatkan

Hasil kajian menunjukkan kedatangan pelancong yang datang ke Kampung Mesilou semakin meningkat pasca Covid-19. Hal ini disebabkan oleh faktor keselamatan, kos yang lebih rendah dan keinginan untuk keluar dari rumah selepas mengharungi fasa pandemik Covid-19. Kedatangan pelancong ke Kampung Mesilou memberikan impak positif kepada pendapatan bulanan komuniti setempat pasca Covid-19 seperti pengusaha homestay, ekopelancongan, peniaga kecil dan restoran. Ini adalah perkembangan yang baik untuk ahli komuniti Kampung Mesilou kerana Berjaya mempromosikan produk ekopelancongan baharu kepada pelancong pasca Covid-19. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 2 dan Informan 5:

Lagi-lagi selepas PKP [pasca Covid-19] kami menerima ramai kedatangan pelancong tidak kira dari mana [pendapatan pun meningkat].

(Informan 2, Petani & Mantan Pengusaha Homestay, November 2021)

Disebabkan pertambahan kehadiran pelancong di kawasan Mesilou. Kamu boleh nampak yang kebanyakan pendaki...dan pelancong suka kawasan yang sejuk.

(Informan 5, Pengurus Maragang Hill, September 2022)

Jadual 4 menunjukkan bahawa seramai 52 responden sangat berpuas hati dengan kenyataan kedatangan pelancong semakin meningkat pasca Covid-19 mewakili 31.13%. Manakala, 12 responden yang mewakili 7.19% menjawab tidak memuaskan terhadap pernyataan tersebut. Min keseluruhan bagi kenyataan tersebut adalah 3.63. Walaupun terdapat responden menjawab sangat tidak memuaskan dan tidak memuaskan akan tetapi kenyataan ini cenderung ke arah positif. Hal ini disebabkan oleh nilai min lebih daripada 3.5.

Jadual 4: Peningkatan Kedatangan Pelancong Pasca Covid-19

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Kedatangan pelancong semakin meningkat pada pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	18	10.78%	3.63
	Tidak Memuaskan	12	7.19%	
	Sederhana	36	21.56%	
	Memuaskan	49	29.34%	
	Sangat Memuaskan	52	31.13%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Dapatan kajian ini menunjukkan berlakunya peningkatan kedatangan pelancong pada pasca Covid-19 yang memberi manfaat besar kepada ahli komuniti setempat seperti membuka peluang pekerjaan untuk menjana semula pendapatan yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Ini sekaligus membantu memperkasa ahli komuniti dan memastikan pertumbuhan CBE dan homestay yang mampan dalam jangka masa yang panjang.

ii. Jumlah Pendapatan Ahli Komuniti atau Pengusaha Homestay Meningkat

Hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa berlaku peningkatan pendapatan ahli komuniti atau pengusaha homestay akibat daripada kemasukan pelancong yang tinggi dalam tempoh pasca Covid-19. Kenaikan pendapatan ini secara langsung memberi kesan ekonomi yang baik kepada pengusaha homestay dan pengusaha aktiviti ekopelancongan. Selain itu, berlaku permintaan yang tinggi untuk tempahan penginapan homestay pasca covid-19. Keadaan berkenaan diakui oleh Informan 1:

Alhamdulillah. Gembira lah. Sebab dalam berapa minggu ini [pasca Covid-19] kita punya homestay itu ada sudah kita punya pendapatan meningkat disebabkan ramai pelancong yang datang. Jadi dia memang memberi sumbangan kepada ekonomi kita punya keluarga sendiri lah.

(Informan 1, Ketua Kampung, November 2021)

Jadual 5 menunjukkan bahawa sebanyak 62 responden mewakili 37.13% berpuas hati bagi pernyataan pendapatan komuniti atau pengusaha homestay semakin meningkat tempoh pasca Covid-19. Manakala, 13 responden menjawab tidak memuaskan dengan mewakili 7.78%. Min bagi kenyataan tersebut adalah 3.59.

Jadual 5: Pendapatan Komuniti atau Pengusaha Homestay Meningkat

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Jumlah pendapatan komuniti / pengusaha homestay semakin meningkat dalam tempoh pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	14	8.38%	3.59
	Tidak Memuaskan	13	7.78%	
	Sederhana	39	23.35%	
	Memuaskan	62	37.13%	
	Sangat Memuaskan	39	23.36%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap penginapan homestay yang meningkat telah meningkatkan pendapatan pengusaha homestay kerana mendapat permintaan tinggi daripada pelancong dalam tempoh pasca Covid-19. Dengan itu, pasca Covid-19 telah membuka ruang untuk komuniti dan pengusaha homestay meningkatkan pendapatan bulanan mereka dalam memulihkan sektor CBE dan homestay di Kampung Mesilou. Dengan meningkatnya pendapatan ahli komuniti yang terlibat dengan CBE dan homestay, ianya secara langsung memperkukuh ekonomi komuniti setempat dan sektor ekopelancongan di Kundasang secara amnya.

iii. Peningkatan Bilangan Ahli Komuniti Terlibat Semula Dalam Program Homestay

Dapatan kajian ini menunjukan bahawa lebih ramai ahli komuniti terlibat semula untuk menyertai Program Homestay pasca Covid-19. Ramai ahli komuniti di Kampung Mesilou mendirikan dan membaik pulih homestay mereka pasca Covid-19. Hal ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap aktiviti CBE dan penginapan homestay. Ini memperlihatkan potensi CBE sebagai sumber ekonomi mampu menyokong kehidupan harian ahli komuniti di Kampung Mesilou. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 11:

Kami bersyukur juga lah sebab ramai orang kampung yang majukan semula homestay selepas PKP [pasca Covid-19].

(Informan 1, Ketua Kampung, November 2021)

...saya boleh tengok sekarang orang yang dulu tiada keinginan membuat homestay, sekarang telah membuat homestay. Disebabkan kehadiran, pertambahan kehadiran pelancong di kawasan Mesilou. Kamu boleh nampak yang kebanyakan pendaki ni dan pelancong ni suka kawasan yang cuaca sejuk [di sini].

(Informan 5, Pengurus Maragang Hill, September 2022)

Sebab homestay banyak permintaan...kalau waktu puncak macam ni kan, kemuncak macam Deepavali ni kan mula daripada 3hb lagi. Deepavali hari empat, 4hb...mula cuti 3hb cuti peristiwa. Dalam tempoh empat hari ni, penginapan di Kundasang tidak cukup walaupun tumbuh macam cendawan sebab semakin ramai orang yang datang disini dan dalam istilah ekonomi permintaan melebihi penawaran...Permintaan banyak tapi penawaran sikit. Sikit itu penginapan...ada satu lagi konsep, walaupun penawaran banyak tetapi permintaan juga banyak. Jadi tumbuh macam cendawan. Masih tidak boleh menampung permintaan. Semakin ramai. Saya dapat rasa lagi yang baru-baru ini macam ayam terlepas. Hari ini saja ada berapa panggilan telefon saya dapat. Tidak kurang dari 30. Kalau hari itu saja mahu berapa sudah itu. Kalau dari pagi sampai petang mahu 11 nombor. Belum masuk whatsapp. Kalau campur yang hari tiga lagi lebih 30 untuk saya saja tidak tahu orang lain.

(Informan 3, Pengusaha Homestay & AJK Rukun Tetangga, November 2021)

Jadual 6 menunjukkan bahawa seramai 57 responden menjawab sederhana mewakili 34.13% bagi kenyataan kenyataan lebih ramai ahli komuniti terlibat semula dalam program homestay pasca Covid-19.. Manakala, 9 responden mewakili 5.39% menjawab sangat tidak memuaskan

bagi pernyataan tersebut. Oleh kerana nilai keseluruhan min bagi kenyataan tersebut adalah 3.59, kajian ini mendapati kenyataan tersebut cenderung kepada impak positif.

Jadual 6: Peningkatan Bilangan Ahli Komuniti Terlibat Semula Dalam Program Homestay Pasca Covid-19

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Lebih ramai ahli komuniti terlibat semula dalam program homestay dalam tempoh pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	9	5.39%	3.59
	Tidak Memuaskan	10	5.99%	
	Sederhana	57	34.13%	
	Memuaskan	55	32.93%	
	Sangat Memuaskan	36	21.56%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran ahli komuniti terhadap peluang ekonomi melalui homestay sangat luas dan boleh meningkatkan pendapatan keluarga serta komuniti setempat. Penglibatan semula ahli komuniti dalam homestay dan aktiviti ekopelancongan telah membuka ruang dalam aktiviti sokongan seperti jualan sayur-sayuran, pengangkutan, menjual makanan dan minuman. Faktor ini membuka lebih banyak peluang untuk ahli komuniti terlibat dalam memajukan ekopelancongan dan homestay setempat.

iv. Peningkatan Bilangan Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Pelbagai Aktiviti Ekopelancongan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan ahli komuniti terlibat dalam aktiviti ekopelancongan pasca Covid-19. Keadaan ini juga telah membuka peluang pekerjaan baharu melalui aktiviti ekopelancongan dan homestay di Kampung Mesilou pasca Covid-19. Produk ekopelancongan baharu seperti *trekking* ke Maragang Hill dan *Mesilou 3Sixty Peak* ini mampu menarik ramai pelancong domestik dan antarabangsa. Idea produk baharu ini disesuaikan daripada idea luar negara iaitu di negara China bagi meningkatkan daya tarikan destinasi ekopelancongan di Kampung Mesilou. Menurut Informan 5, ahli komuniti bukan sahaja ingin menarik perhatian pelancong domestik, tetapi juga menarik perhatian pelancong antarabangsa seperti dari Korea dan China. Ini menunjukkan bahawa persatuan komuniti kampung mempunyai perancangan aktiviti ekopelancongan bagi jangka masa panjang. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 5:

..visi kami ni kan memang luas lah. Kami mau buat banyak [produk ekopelancongan]. Kami akan tambahkan produk yang lebih yang akan menarik pelancong datang seperti pembinaan pelantar kaca diatas puncak tu, pelantar kaca yang lebih kaca lah supaya orang boleh rasa macam di China. Orang yang berjalan di atas cermin tu. Jadi sebenarnya, kami targetkan satu produk tambahan di atas tu yang boleh menarik lebih ramai pelancong datang, bukan sahaja warga tempatan, tapi negara luar, China begitu, Singapore, Brunei dan negara-negara Eropah yang lain untuk datang di sini, yang boleh menarik lah yang ramai dan menaikan lagi kita punya ekonomi di sini, lebih-lebih bahagian pelancongan. Dan di samping membantu orang kampung lah, membangunkan kampung ini [pasca Covid-19].

(Informan 5, Pengurus Maragang Hill, September 2022)

Jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 66 responden mewakili 39.52% menjawab memuaskan bagi pernyataan aktiviti atau produk ekopelancongan yang pelbagai diwujudkan pasca Covid-19. Manakala, 8 responden menjawab sangat tidak memuaskan dengan mewakili 4.79%. Nilai min 3.66 tersebut menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan lebih banyak aktiviti ekopelancongan diwujudkan pasca Covid-19.

Jadual 7: Aktiviti Ekopelancongan Yang Pelbagai Diwujudkan

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Lebih banyak aktiviti ekopelancongan yang pelbagai diwujudkan pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	8	4.79%	3.66
	Tidak Memuaskan	14	8.38%	
	Sederhana	42	25.15%	
	Memuaskan	66	39.52%	
	Sangat Memuaskan	37	22.16%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti ekopelancongan yang pelbagai seperti Maragang Hill dan Mesilou 3Sixty Peak adalah berasaskan alam semula jadi. Aktiviti ekopelancongan memberikan pengalaman menarik kepada pelancong. Dalam pada itu, ianya memberi nilai tambah kepada pengusaha homestay. Hal ini disebabkan oleh pelancong bukan sahaja merasai pengalaman aktiviti CBE sahaja tetapi turut menginap di homestay yang mengutamakan kelestarian alam semula jadi. Ini secara langsung membantu memajukan ahli komuniti setempat melalui aktiviti ekopelancongan yang pelbagai pasca Covid-19.

v. Lebih Banyak Warung dan Kedai Makan Dibuka Oleh Ahli Komuniti

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa lebih banyak warung dan kedai makan dibuka oleh ahli komuniti pasca Covid-19 di Kampung Mesilou. Pembukaan warung dan kedai makan dapat memenuhi keperluan harian pelancong dan mengurangkan kebergantungan kepada restoran dari luar kawasan Kampung Mesilou. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan kedai makan di buka di kawasan Pekan Kundasang yang jauh daripada Kampung Mesilou. Tambahan lagi, warung dan kedai makan penting berada di kawasan Kampung Mesilou kerana kampung ini terletak di atas bukit yang tinggi dan sering mengalami kesesakan lalu lintas sewaktu cuti yang menyukarkan pelancong untuk mencari makanan dan minuman. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 3:

Tiba-tiba [pelancong] banyak melimpah. Macam yang ayam terlepas daripada kandang...betul...saya tidak pernah [lihat] begini ni. Ada juga tapi tidak seramai ini. Mungkin terlampau terkena kurung [waktu PKP] baitu. Tapi dalam masa yang sama kena hati-hati lah...makanan lagi lah. Masuk sini [perlu] makanan. Kemudian banyak produk pelancongan.

(Informan 3, Pengusaha Homestay dan AJK Rukun Tetangga, November 2021)

Dan bila pendaki dan pelancong melancong disini dia akan beli makanan di gerai-gerai dalam kampung ni. So pengusaha gerai-gerai makan, kedai runcit semua pun mendapat manfaat.

(Informan 5, Pengurus Maragang Hill, September 2022)

Jadual 8 menunjukkan bahawa bilangan responden yang menjawab sederhana adalah 53 responden mewakili 31.74%. Manakala, responden yang menjawab sangat tidak memuaskan adalah 5 responden mewakili 2.99%. Nilai min keseluruhan bagi kenyataan lebih banyak restoran dan kedai makan dibuka oleh ahli komuniti adalah 3.58. Oleh kerana, nilai min ini melebihi 3.5 bermakna pernyataan ini adalah cenderung kepada impak positif.

Jadual 8: Lebih Banyak Restoran dan Kedai Makan Dibuka Oleh Ahli Komuniti Pasca Covid-19

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Lebih banyak restoran dan kedai makan dibuka oleh ahli komuniti Pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	5	2.99%	3.58
	Tidak Memuaskan	20	11.98%	
	Sederhana	53	31.74%	
	Memuaskan	51	30.54%	
	Sangat Memuaskan	38	22.75%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa keterlibatan ahli komuniti di Kampung Mesilou dalam pembukaan restoran dan kedai makan disebabkan peningkatan permintaan oleh pelancong terhadap pelbagai pilihan jenis makanan yang ditawarkan oleh peniaga makanan di Kampung Mesilou pasca Covid-19. Keadaan ini menunjukkan bahawa pada pasca Covid-19 bilangan warung dan kedai makan semakin meningkat sekaligus memberi peluang kepada lebih ramai usahawan setempat untuk menjadi peniaga makanan yang berkaitan dengan aktiviti CBE dan homestay di Kampung Mesilou.

Impak Pelaksanaan Pemulihan CBE dan Homestay Pasca Covid-19 di Kampung Mesilou Berada Pada Tahap Sederhana dan Cenderung Ke Arah Negatif

i. Kemudahan Infrastruktur Air Paip Jalan Raya Pasca Covid-19 Berada Pada Tahap Sederhana Pasca Covid-19

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ahli komuniti Kampung Mesilou yang terlibat dengan aktiviti CBE dan homestay menyatakan bahawa pelaksanaan pemulihan kemudahan infrastruktur air paip dan jalan raya pasca Covid-19 berada pada tahap sederhana sahaja. Ahli komuniti di Kampung Mesilou telah menggunakan air graviti sebagai keperluan sejak dahulu lagi. Dengan adanya usaha pelaksanaan pemulihan infrastruktur air paip ini sepatutnya memudahkan komuniti setempat untuk menggunakan infrastruktur ini dengan lebih selesa. Keadaan ini dimaklumkan Informan 10 dan Informan 1 seperti berikut:

Infrastruktur air dikawasan kami semakin bertambah baik selepasnya tempoh PKP [Covid-19] berlaku [masih bekalan air graviti].

(Informan 10, Ahli Mesilou Atamais Homestay dan Mantan Pengurus MEVOC, November 2021)

Lagi pun sekarang ini kan pembinaan loji jabatan air yang kira besar juga lah di Ranau yang dia sedang dalam tempoh fasa air mahu siap sudah. Laluan paip semua sudah kena tanam di Kundasang. Ada sudah [tetapi belum sampai ke Kampung Mesilou].

(Informan 1, Ketua Kampung, November 2021)

Jadual 9 mendapati bahawa pelaksanaan strategi pemulihan infrastruktur air paip graviti dan jalan raya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.16. Seramai 76 responden yang mewakili 45.50% menyatakan kemudahan infrastruktur air paip, jalan raya pada tempoh pasca Covid-19 berada pada tahap sederhana yang cenderung kepada tidak memuaskan kerana nilai min di bawah nilai 3.5. Bilangan responden yang menyatakan sangat tidak memuaskan seramai 15 responden (9%). Manakala bilangan responden yang menyatakan tidak memuaskan seramai 19 responden (11.38%).

Jadual 9: Pemulihan Kemudahan Air Paip Jalan Raya Pasca Covid-19 Berada Pada Tahap Sederhana

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Kemudahan infrastruktur air paip jalan raya semakin bertambah baik pada tempoh pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	15	9%	3.16
	Tidak Memuaskan	19	11.38%	
	Sederhana	76	45.50%	
	Memuaskan	39	23.35%	
	Sangat Memuaskan	18	10.77%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Dapatan kajian ini juga mendapati nilai min 3.16 menunjukkan bahawa penambahbaikan infrastruktur seperti bekalan air paip bersih pasca Covid-19 masih dianggap oleh responden sebagai tidak memuaskan kerana pelaksanaan pemulihan air paip dan jalan raya masih dalam proses pembangunan di peringkat daerah Ranau dan belum sampai ke Kampung Mesilou. Manakala, penambahbaikan jalan raya yang rosak mengambil masa terlalu lama oleh pihak kerajaan untuk memperbaikinya. Justeru, keadaan ini belum sepenuhnya memenuhi keperluan komuniti setempat untuk menyokong pemulihan aktiviti CBE dan homestay pasca Covid-19.

ii. Pelaksanaan Pemulihan Fasiliti Homestay Masih Berada Pada Tahap Sederhana Pasca Covid-19

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat usaha untuk menambah baik infrastruktur dan kualiti fasiliti homestay di Kampung Mesilou pasca Covid-19. Terdapat sedikit peningkatan kualiti fasiliti homestay yang diusahakan oleh para pengusaha homestay. Namun, tahap kemajuan dalam menambah baik infrastruktur dan kualiti kemudahan homestay berada pada tahap sederhana sahaja. Ini kerana proses penambahbaikan homestay melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Menurut Informan 9 dan Informan 10, selepas Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengumumkan sektor pelancongan boleh dibuka semula pada November tahun 2021, pengusaha homestay pun membaiki homestay sendiri untuk keselesaan pelancong. Informan 9 dan Informan 10 menyatakan seperti berikut:

...kita juga maintain fasiliti kita pada tahap yang baik. Masa covid, mau buat maintance mana ada duit, jadi kena balance kan lah.

(Informan 9, Penyelaras Mesilou Atamis Homestay, September 2022)

Kemudian kita check, kalau ada bantuan ni kan, kita upgrade fasiliti yang sedia ada supaya kita sedia terima jumlah kehadiran pelancong yang ramai. Sebab bila property ni, kalau ia tidak digunakan, ia akan rosak.

(Informan 9, Penyelaras Mesilou Atamis Homestay, September 2022)

Sebab sejak PKP itu saya sendiri pun lama tidak jejak itu homestay... sampai ada papan yang sudah reput. Jadi dalam masa tempoh [pasca Covid-19]...bila kita tahu satu hari bulan ini [tahun 2021]...atau pun pada dua puluh lima bulan sepuluh [tahun 2021] baru kita tengok apa yang perlu diperbaiki.

(Informan 10, Ahli Mesilou Atamais Homestay, November 2021)

Jadual 10 menunjukkan bahawa seramai 70 responden menjawab sederhana dengan mewakili 41.92%. Manakala, pandangan bagi jawapan sangat tidak memuaskan tentang kualiti fasiliti homestay semakin bertambah baik dalam tempoh pasca Covid-19 adalah seramai 7 responden dengan mewakili 4.19%. Nilai min bagi pernyataan tersebut adalah 3.40. Nilai ini adalah di bawa nilai 3.5 yang cenderung ke arah tidak memuaskan.

Jadual 10: Pemulihan Fasiliti Homestay Masih Berada Pada Tahap Sederhana Pasca Covid-19

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Kualiti fasiliti homestay semakin bertambah baik dalam tempoh pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	7	4.19%	3.40
	Tidak Memuaskan	18	10.78%	
	Sederhana	70	41.92%	
	Memuaskan	46	27.54%	
	Sangat Memuaskan	26	15.57%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa dalam tempoh pasca covid-19 terdapat peningkatan sedikit dalam menambah baik fasiliti homestay. Tetapi, tahap kualiti penambah baikan infrastruktur dan fasiliti homestay masih berada pada tahap sederhana sahaja dan tidak mencapai tahap memuaskan sepenuhnya mengikut pandangan responden. Ini disebabkan ramai pengusaha homestay masih kekurangan modal dan tidak mendapat bantuan segera daripada pihak kerajaan untuk menaik taraf homestay milik mereka pasca Covid-19.

iii. Lebih Ramai Pengusaha Homestay Swasta Berasal Dari Luar Kampung Mesilou Dibenarkan Membina Homestay di Kampung Mesilou Pasca Covid-19

Hasil kajian ini mendapati bahawa ramai pengusaha homestay swasta yang berasal dari luar Kampung Mesilou telah dibenarkan untuk membina homestay di Kampung Mesilou. Dengan adanya, pengusaha homestay swasta yang berasal dari luar, ianya telah menjadi pesaing utama kepada pengusaha homestay komuniti setempat. Namun, kewujudan homestay swasta ini mampu menampung permintaan pelancong yang semakin meningkat terutamanya semasa cuti persekolahan dan cuti umum. Tetapi, ianya telah memberi persepsi negatif dalam konteks persaingan antara pengusaha homestay setempat dengan pengusaha swasta untuk merebut tempahan penginapan daripada para pelancong.

Kesan baik [homestay swasta]...memberi peluang pekerjaan kepada penduduk asal Kampung Mesilou...tetapi kesan kurang baik homestay swasta ini adalah bersaing dengan homestay milik penduduk kampung...

(Informan 7, JPKK, November 2021)

Ada [pengusaha homestay swasta] ...lebih banyak berbanding pengusaha yang asal daripada Kampung Mesilou ini. Mungkin kadar sekarang adalah enam puluh peratus [homestay swasta] - empat puluh peratus [homestay penduduk Kampung Mesilou]...

(Informan 4, Setiausaha MEVOC, November 2021)

Mungkin dia nampak potensi Kampung Mesilou ini sangat-sangat tinggi untuk menarik pengunjung kan. Jadi ramai yang datang sini terutama daripada bangsa Cina [Malaysia] yang datang buat homestay yang mewah-mewah. Dari segi kemudahan mungkin mereka lebih advance berbanding penduduk kampung ini.

(Informan 4, Setiausaha MEVOC, November 2021)

Lihat Jadual 11. Hasil kajian ini menunjukkan seramai 49 responden yang mewakili 29.34% menyatakan bahawa pendapat mereka pada tahap sederhana bagi pernyataan di atas. Manakala, 17 responden yang mewakili 10.18% menyatakan sangat tidak berpuas hati peningkatan pengusaha homestay swasta yang berasal dari luar Kampung Mesilou yang dibenarkan membina homestay. Min bagi kenyataan tersebut adalah 3.04. Nilai min 3.04 ini adalah kurang daripada nilai 3.5. Ini menunjukkan nilai min tahap sederhana ini cenderung ke arah impak negatif.

Jadual 11: Pengusaha Homestay Swasta Berasal Dari Luar Kampung Mesilou Dibenarkan Membina Homestay di Kampung Mesilou Pasca Covid-19

Manfaat / Impak	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Min
Lebih ramai pengusaha homestay luar dibenarkan membina homestay di Kampung Mesilou pasca Covid-19	Sangat Tidak Memuaskan	17	10.18%	3.04
	Tidak Memuaskan	42	25.15%	
	Sederhana	49	29.34%	
	Memuaskan	35	20.96%	
	Sangat Memuaskan	24	14.37%	
	Jumlah	167	100%	

Sumber: Kajian Lapangan di Kampung Mesilou, (2022)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa membenarkan orang luar untuk membangunkan homestay swasta di Kampung Mesilou pasca Covid-19 telah menjadi isu sensitif dalam kalangan komuniti setempat. Kehadiran pengusaha luar dianggap telah menjejaskan hak eksklusif ekonomi setempat. Dalam pada itu, responden melihat situasi ini sebagai memberi risiko terhadap masa depan sosioekonomi komuniti setempat di Kampung Mesilou dalam konteks pembangunan CBE dan homestay.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, sektor CBE dan homestay menunjukkan kesan yang signifikan kepada ahli komuniti setempat yang cenderung kepada positif dan negatif. Pasca Covid-19 telah memperlihatkan kerjasama antara ahli komuniti setempat bukan sahaja mampu menjana pendapatan, malah turut memelihara hubungan sosiobudaya dan memperkukuh ekonomi di luar bandar. Kemudahan infrastruktur seperti air dan jalan raya sememangnya menjadi isu yang paling utama sebelum berlakunya pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, usaha ahli komuniti setempat untuk bertahan dalam sektor pelancongan dalam tempoh covid 19 dan pasca covid 19 dilihat membuahkan hasil walaupun ianya perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Oleh

itu, satu pendekatan lebih holistik, inklusif, dan mampan perlu dilaksanakan bagi memastikan pemulihan sektor ekopelancongan khususnya CBE dan homestay di Kampung Mesilou, Kundasang dan kawasan luar bandar di Sabah dan di Malaysia amnya dapat dicapai secara berkesan serta mampu bertahan dalam jangka panjang.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada komuniti setempat di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah kerana telah memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan kajian ini. Ribuan terima kasih juga kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, UMS kerana meluluskan dana geran SDK0826-2020 bagi menampung kos sehingga kajian kajian ini dilaksanakan dengan jayanya

Rujukan

- Abdullah, M. S., Mohd Nor, M., Mohd Yusof, A. R., & Che Husain, F. (2017). Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya. *Journal of Social and Humanities*. Vol. 12, No.3 (2017), 022 ISSN: 1823-884x.
- Akademi Sains Malaysia (ASM). (2020). Lembaran Faktra Penyelidikan Covid-19. (2020) Capaian dari <https://www.akademisains.gov.my/media/?mdocs-file=748> (28 Mac 2023).
- Ak. Mohd Rafiq Ak. Matusin, Othman, N., Siwar, C., & Halim, S. A. (2019). *Malaysia's Sustainable Tourism to Face Natural Disaster: A Case Study of Ranau Earthquake (2015)*. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1), 15–23.
- AlBattat, A. R., & Matsom, A. P. (2014). Emergency Planning and Disaster Recovery in Malaysian Hospitality Industry. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, (144), 45- 53.
- Anas, R., Hussin, R., & Afrizal, T. (2018). Penyertaan Komuniti Dalam Program Pemulihan Pelancongan Pasca Bencana di Kampung Mesilou Kundasang, *Sabah (Community Participation in The Tourism Recovery Programme Post-Earthquake Disaster in Mesilou Village of Kundasang, Sabah)*. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (3).
- Aref, F., Redzuan, M., Gill, S. S., & Aref, A. (2010). *Community Capacity Buiding in Tourism Development in Local Communities*. *Journal of Sustainable Development*, 3 (1).
- Arifin, A. B. (2013). *Kesediaan Masyarakat Dalam Pembangunan Program Homestay*. *Jurnal Pemikiran dan Kepimpinan Melayu*.
- Assaf, A., & Scuderi, R. (2020). *COVID-19 And the Recovery of the Tourism Industry*.
- Azidah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (2020)<https://www.motac.gov.my/profil/bahagian/bahagian-pembangunan-industri> (28 Mac 2023)
- Berita Harian, 12 Mac 2020. WHO Isytihar Wabak Covid-19 Pandemik. Capaian dari <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik> (28 Mac 2023).
- Cerin, P. (2006). *Bringing Economic Opportunity into Line with Environmental Influence: A Discussion on The Coase Theorem and The Porter and Van Der Linde Hypothesis*. *Ecological Economics*, 56(2), 209–225.
- Cohen, J. (2007). *Statistical Power Analysis for The Behavioral Sciences* (2nd ed.). New York, NY: Lawrence Erlbaum Associates.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (4th ed.).
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*

- Dangi, T. B., & Jamal, T. (2016). *An Integrated Approach to “Sustainable Community-Based Tourism”*. Sustainability, 8 (5), 475.
- Denzin, N. K. (1978). *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Dernbach, J. C. (1998). *Sustainable development as a framework for national governance. Case Western Reserve Law Review*, 49, 1–103.
- Dambul, R., & Buang, A. (2008). *Explaining The Problem of Tourism in Kundasang, Sabah: The Strengths and Limitations of The Positivist Perspective*. Geografia Malaysian Journal of Society and Space, 4(1), 20-31.
- Dambul, R. (2010). *Monsoon indicators for Borneo*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 6(3), 1–12.
- Ferlis Bahari. (2017). *Ke Manakah Halatuju Pengurusan Bencana Alam?* Universiti Malaysia Sabah dlm Rodeano et al. (2015). *Bencana Alam*. Universiti Malaysia Sabah. Hal. 23.
- Foo, L. P., Chin, M. Y., Tan, K. L., & Phuah, K. T. (2020). *The Impact Of COVID-19 On Tourism Industry in Malaysia*. Current Issues in Tourism, 24(19), 2735–2739.
- Fujimoto, A., & Miyaura, R. (2002). *Farm management study of highland vegetable cultivation in Sabah, Malaysia: Farm questionnaire survey in Kundasang area*. Journal of Agricultural Science-Tokyo Nogyo Daigaku (Japan).
- Goh, H. C. (2021). *Strategies For Post-COVID-19 Prospects of Sabah’s Tourist Market: Reactions to Shocks Caused by Pandemic or Reflection for Sustainable Tourism? Research in Globalization*, 3, 100056.
- Hansruedi Muller. (1994). *The Thorny Path to Sustainable Tourism Development*. Journal of Sustainable Tourism Vol.2, Issue3, pp.131-136
- Hashim, S. N. I. (2019). *Persampelan Dalam Kajian Pelancongan: Kajian Kes Di Kampung Mesilou. Prosiding Seminar Pelancongan Sabah (ms. 23-30)*. Universiti Malaysia Sabah.
- Hermawan, I. (2019). *Metodologi Penelitian Pendidikan: Kualitatif, Kuantitatif Dan Mixed Method*. Kuningan, Indonesia: Hidayatul Quran.
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2009). *Program Homestay Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar, Kajian Kes: Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009*.
- Ibrahim, J. A., Abdul Razak, N., & Ahmad, M. Z. (2012). *Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Destinasi Pantai Kajian Kes: Pantai Cenang, Langkawi, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah*.
- Inskeep, E. (1991). *Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*. Hoboken, NJ: Wiley.
- Ishak, M. (2020). *Pelan Pemulihan Pelancongan RM200j Pacu Pelancongan Domestik*. BH Online. Capaian dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/755334/pelan-pemulihan-pelancongan-rm200j-pacu-pelancongan-domestik> (28 Mac 2023)
- Jabil Mapjabil, Siti Asma Mohd Rosdi, Munir Shuib & Sharmini Abdullah, (2011). *Pembangunan Homestay Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, Produk Dan Prospek*. Malaysia Journal of Society and Space, 7(2): 45-45.
- Johan Affendi Ibrahim (2009). *Program Homestay Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar, Kajian Kes: Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia Malaysia. Prosiding PERKEM IV, JILID 2: 227-242*.
- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad. (2011). *Pelancongan Langkawi 1987–2010: Pencapaian Dan Cabaran Masa Depan. Prosiding PERKEM VI, Jilid I (2011), 602- 613*.

- Johnson, M. (2015). *Sociological perspectives on modern education*. London: Sage Publications.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd. Nor (2006). Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay Di Kedah. *Akademika* 67 (Januari) 2006: 77-102
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf (28 Mac 2023).
- Karim, W., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). *The Movement Control Order (MCO) For COVID-19 Crisis and Its Impact on Tourism and Hospitality Sector in Malaysia*. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1-7
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Prestasi Pendapatan Program Pengalaman Homestay Dari Tahun 2015 Hingga 2020. <https://www.motac.gov.my/> (28 Mac 2023).
- Kidder, L. H. (1981). *Research Methods in Social Relations* (4th ed.). New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Korinth, B., & Ranasinghe, R. (2020). *COVID-19 Pandemic's Impact on Tourism in Poland in March 2020*. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 31(3), 987–990.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30 (3), 607–610.
- Kumalah, M. J., & Mapjabil, J. (2021). Pengurusan Krisis Dan Bencana Dalam Pelancongan: Tinjauan Terhadap Kerangka Kerja Dan Model Terpilih. *Proceedings of the 4th International Conference of Languages, Education and Tourism 2021*. Language, Education and Tourism – Embracing Changes and Challenges International Islamic University Malaysia 28th – 30th June 2021.
- Laman Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Data Covid-19. <https://covid-19.moh.gov.my/> (25 Jun 2022).
- Laman Rasmi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). https://www.perkeso.gov.my/perkhidmatan-kami/perindungan/insurans_pekerjaan.html (28 Mac 2023).
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. Geografi dan Alam Sekitar. <https://sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/geografi> (28 Mac 2023).
- Lay, Y. F., & Khoo, C. H. (2016). *Students' Perceptions of Science Learning In Malaysian Secondary Schools: A Gender Comparison*. *Journal of Science and Mathematics Education in Southeast Asia*, 39 (2), 1–19.
- Leiper, N. (1981). *Towards A Cohesive Curriculum Tourism: The Case for A Distinct Discipline*. *Annals of Tourism Research*, 8(1), 69-84.
- M. Kabir Hassan, (2022). Special Issue on The Impact of Covid-19 Pandemic on Islamic Financial Markets and Institutions. *Review of Financial Economics*, 40 (3), 237-238.
- Mahadzirah, M., Adnan, M., & Roslizawati, C. T. (2013). *Community-Based Tourism (CBT) As A Sustainable Tourism Product: A Case Study in Sabah, Malaysia*. *Journal of Human Capital Development*, 6(2), 41–52.
- Majlis Keselamatan Negara (MKN). (2020). Premis Dan Fasiliti Awam Kebudayaan. https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/06/4.-SOP-Pelancongan-Seni-dan-Budaya-MOTAC_-11-Jun-2020.pdf (28 Mac 2023)
- Martin Mowforth & Ian Munt. (1998). *Tourism and Sustainability: New Tourism In the Third World*. Ebooks Corporation.

- Matarrita-Cascante, D., Brennan, M. A., & Luloff, A. E. (2010). *Community Agency and Sustainable Tourism Development: The Case Of La Fortuna, Costa Rica*. *Journal of Sustainable Tourism*, 18 (6), 735-756.
- Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. London: Longman.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education (2nd ed.)*.
- Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain (2017). Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 12, No. 3 (2017), 022 ISSN: 1823-884x.
- Mohd Zamre Mohd Zahir, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Ramalinggam Rajamanickam & Muhammad Sayuti Hassan (2022). Kewajipan Suntikan Vaksin dan Isu Hak Asasi Manusia. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7 (11).
- Musa, A. S., & Abdul Rashid, S. M. R. (2021). *Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Pekebun Mikro Harumanis Di Paya Kelubi, Perlis*. *e-BANGI: Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(5), 138–156.
- Neuman, W. L. (2015). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches (7th ed.)*. Pearson Education Limited.
- Othman, L. K. (2010). Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Sosiohumanika*, 3 (2), 273- 294.
- Portal Rasmi Kementerian Ekonomi. Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua Ketiga (2001-2010), Laporan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Ketujuh (1996-2000), Kelapan (2001-2005) dan Kesembilan (2006-2010). <https://ekonomi.gov.my/ms> (28 Mac 2023).
- Putnam, R. D., Leonardi, R., Nanetti, R. (1994). *Making Democracy Traditions in Modern Italy*. Princeton University Press.
- Raihan Anas, Teuku Afrizal & Rosazman Hussin. (2018). Penyertaan Komuniti Dalam Program Pemulihan Pelancongan Pasca Bencana Di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Raihan Anas, Rosazman Hussin & Badariah Ab Rahman. (2019). Program Pemulihan Pelancongan Pasca Bencana Gempa Bumi 2015 Di Sekitar Pinggiran Gunung Kinabalu, Kundasang: Cabaran dan Strategi.
- Ramzah, D., & Buang, A. (2008). *Explaining The Problems of Tourism in Kundasang, Sabah: The Strengths and Limitations of The Positivist Perspective*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 4 (1), 20-31.
- Rohana Yusof. (2014). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuran (2015). Pelancongan Mapan Berasaskan Komuniti (CBT) Melalui Program Homestay di Sabah, Malaysia. *Universiti Malaysia Sabah*.
- Shah, M.A.R., Rahman, A., & Chowdhury, S.H. (2018). *Challenges for Achieving Sustainable Flood Risk Management*. *Journal of Flood Risk Management*, 11.
- Shamsuri, M. M. S. B. (2013). *Strategi Pembangunan Program Homestay Kampung Kangkar Merlimau* (Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, UTHM).
- Sharpley, R. (1999). *Tourism, Tourists and Society*. Huntingdon: Elm Publications.
- Sharpley, R., & Telfer, D. J. (2002). *Tourism and Development: Concepts and Issues (Aspects of Tourism, Vol. 5)*. Clevedon: Channel View Publications.
- Terre Blanche, M. J., & Durrheim, K. (Eds.). (1999). *Research In Practice: Applied Methods for The Social Sciences*. Cape Town: University of Cape Town Press.

- Tosun, C. (2000). *Limits to Community Participation in the Tourism Development Process in Developing Countries*. *Tourism Management*, 21(6), 613–633.
- Tosun, C. (2006). Expected Nature of Community Participation In Tourism Development. *Tourism Management*, 27(3), 493–504. (p. 614).
- United Nations Environment Programme (UNEP) & World Tourism Organization (WTO). (2005). *Making Tourism More Sustainable: A Guide for Policy Makers*. Madrid: World Tourism Organization and United Nations Environment Programme.
- Velan Kunjuran. (2019). Kajian Terhadap Syarat Dan Fenomena Semasa Dalam Pembangunan Program Homestay di Malaysia. Universiti Malaysia Kelantan.
- World Commission on Environment and Development (WCED). (1987). *Our Common Future*. Oxford University Press.
- World Health Organization (WHO). (2021). *Coronavirus Covid-19*. https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1. (29 Mac 2023)
- World Tourism Organization (WTO). (2011). *UNWTO Annual Report 2011*. Madrid: UNWTO. <https://www.unwto.org/archive/global/publication/unwto-annual-report-2011>
- Yahaya Ibrahim, Abdul Rasid Abdul Razzaq, (2010). *Homestay Program And Rural Community Development in Malaysia*. *Journal of Ritsumeikan Social Sciences and Humanities*, 7- 24.
- Yaman, A. R., & Mohd, A. (2004). *Community-Based Ecotourism: A New Proposition For Sustainable Development and Environmental Conservation in Malaysia*. *Journal of Applied Sciences*, 4 (4), 583-589. <https://scialert.net/abstract/?doi=jas.2004.583.589>
- Yeh, S.-S. (2021). *Tourism Recovery Strategy Against COVID-19 Pandemic*. *Tourism Recreation Research*, 46(2), 188–194.
- Yildirim, M. (2020). *Tracing The Consent, Adaptation And Resistance Practices Of An 'Unsustainable' Workforce: The Governmentality Of Workplaces In Tourism Industry*. *Tourism Management*, 84, 104260. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2020.104260>
- Yong Pau Lin (2010). Kajian Penyertaan Komuniti Setempat Dalam Kegiatan Pelancongan di Kampung Pukak, Kiulu, Sabah. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- WWF, (2001). *Guidelines For Community Based Ecotourism Development*. <https://d2ouvy59p0dg6k.cloudfront.net/downloads/guidelinesen.pdf> (diakses pada 26 Oktober 2025).